



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 Jld. **50 (95)**

Tarikh : **26** November 2025

Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan Promosi
Sin Chew Daily
Sin Chew Media Corporation Berhad
Jalan Prof Diraja Ungku Aziz
Seksyen 13
46200 Selangor

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI
PERTANDINGAN REKA BENTUK BUKU SKRAP KE-27 TAHUN 2025
ANJURAN SIN CHEW DAILY**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat tuan bertarikh 5 November 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Sin Chew Daily** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Pertandingan Reka Bentuk Buku Skrap ke-27 Tahun 2025** yang dilaksanakan pada Jun hingga November 2025.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah **Pelibatan II Peringkat Kebangsaan dan Pencapaian Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti, Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak penganjur perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai peserta yang terlibat kepada Jabatan Pendidikan Negeri serta sekolah yang terlibat dalam program berkenaan.

...2/

KPM.600-4/1/1 Jld. ()

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami **Encik Wan Mohd Mahfodz bin Wan Hasan** di talian **03-88721660** atau melalui e-mel mahfodz.hasan@moe.gov.my.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan berkaitan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

WanMahfodz/Surat_Pengiktirafan_Program/2025/MyDoc

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PELIBATAN DAN
PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI,
SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	i. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PELIBATAN II	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan . ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara
PELIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung . ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4